

Ruj. Kami : MQA.100-1/3/1 (I)

Tarikh : 1 Disember 2023

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 4/2023

GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: VERIFIKASI KUALITI *STAND-ALONE MICRO-CREDENTIALS* (GUIDELINES TO GOOD PRACTICES: QUALITY VERIFICATION OF *STAND-ALONE MICRO-CREDENTIALS*, GGP: QVSAMC)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerbitkan dokumen Garis Panduan Amalan Baik: *Micro-credentials* (Guidelines to Good Practices: *Micro-credentials*, GGP: *Micro-credentials*) yang mana pemakaiannya telah dikuatkuasakan melalui Surat Makluman MQA Bil. 8/2020 bertarikh 10 Ogos 2020. Dokumen ini telah menjadi rujukan dan panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam pembangunan program atau kursus berbentuk *Micro-credential* daripada program yang telah mendapat akreditasi.

3. Bagi menggalakkan kepelbagaian inovasi ke arah pendidikan tinggi yang lebih fleksibel, MQA bersama beberapa panel pakar telah membangunkan dokumen Garis Panduan Amalan Baik: Verifikasi Kualiti *Stand-Alone Micro-Credentials* (Guidelines To Good Practices: Quality Verification of *Stand-Alone Micro-Credentials*, GGP: QVSAMC) bagi memberi panduan dan rujukan kepada PPT atau penyedia latihan dalam menawarkan kursus *Stand-alone Micro-credentials* (SAMC). GGP: QVSAMC yang dibangunkan adalah berdasarkan keperluan majikan dan industri dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi spesifik.

4. Tujuan utama GGP:QVSAMC dibangunkan adalah untuk:

- i) menggariskan dasar dan prinsip amalan baik serta menyediakan panduan yang komprehensif bagi proses verifikasi kursus SAMC;
- ii) menggalakkan penilaian kualiti secara sukarela bagi kursus SAMC yang ditawarkan oleh PPT dan penyedia latihan; dan



iii) memberikan panduan tentang mekanisme penilaian terhadap reka bentuk dan penyampaian kursus SAMC berdasarkan tahap kelayakan pendidikan tinggi.

5. Dokumen GGP: QVSAMC ini mengandungi komponen-komponen berikut:

| SECTION | CONTENT |
|---------|--|
| 1 | <i>Overview</i> 1.1 <i>Purpose of the Guidelines to Good Practices</i> 1.2 <i>The Concept of Quality Verification of Samcs</i> 1.3 <i>General Principles of Stand-Alone Micro-Credentials</i> |
| 2 | <i>Policies on Stand-alone Micro-Credentials Quality Verification</i> |
| 3 | <i>Quality Verification Centres</i> <ul style="list-style-type: none"> <i>Quality Verification Centres: The Requirements</i> <i>Quality Verification Centre (Application, Evaluation, Approval And Monitoring)</i> |
| 4 | <i>Quality Verifications of Stand-alone Micro-Credentials</i> |
| 5 | <i>Roles of MQA</i> |

6. Pelaksanaan terhadap pemakaian GGP:QVSAMC akan dijalankan secara berfasa mulai 01 Disember 2023. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan pemakluman yang akan dikeluarkan oleh MQA dari semasa ke semasa berdasarkan fasa yang ditetapkan.

7. Dokumen GGP:QVSAMC ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"


"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,




DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)


Pejabat
Naib Canselor

Edaran untuk tindakan :

| | |
|-------------------------------|----------------------------------|
| TNC (Akademik & Antarabangsa) | Pro Naib Canselor (Strategi) |
| TNC (Penyelidikan & Inovasi) | Pro Naib Canselor (Antarabangsa) |
| TNC (Hal Ehwal Pelajar) | Pengarah Kerja |
| TNC (Pembangunan) | Pegawai CICT |
| Pendaftar | Pegawai Undang-Undang |
| Pengarah HEK | Pegawai Khas NC |
| Bendahari | PPK - Pej NC |
| Pro Naib Canselor (UTMML) | PP - SMO |
| | Dekan |

Catatan :

TT:  Tarikh: 4/1/2024